

KOMUNISME SUATU FAHAMAN YANG MASIH MENTAH

Hampir segenap pelosok dunia ini telah ditembusi oleh bunyi dakyah komunisme yang mengagung-agungkan kedatangannya untuk menyelamatkan kaum buruh dari kehidupan yang kejam sebagai akibat peraturan iktisad yang buruk dan masyarakat yang tidak adil, seterusnya memberi janji bahawa ia akan menciptakan untuk manusia sebuah dunia yang aman damai yang terbangun di atas asas keadilan masyarakat yang tidak memberi hak dan peluang hidup yang sama rata kepada tiap-tiap warga negara, masyarakat yang tidak akan memberi peluang kepada kaum kapitalis bermaharajalela memerah menindas dengan syaitan kewangan. Masyarakat yang memberi tempat kepada sikap berkelas-kelas masyarakat yang mengakui “bekerja” itulah sahaja jalan yang halal untuk menghasilkan sebarang pendapatan dan keuntungan masyarakat yang bermutu “siapa yang tidak bekerja tidak dapat makan”.

Oleh Al Ustaz Yusof Yaqob

Di dalam ulasan yang pendek ini kita akan menjawab menimbang komunisme dari segi susunan masyarakatnya bukan dari segi susunan iktisadnya, dengan lain perkataan menimbang komunisme sebagai undang-undang masyarakat bukan sebagai undang-undang ekonomi kerana ini berkehendak kepada lembaran yang khas dan timbangannya berlainan dari yang kita akan gunakan disini. Mudah-mudahan dengan penjelasan ini akan dapat diukur sejauh mana kemungkinan komunisme mambawa kepada insan suatu dunia yang aman damai, suatu masyarakat yang adil saksama, suatu jalan bahagia raya yang boleh meliputi tubuh anggota dan jiwa sukma mereka.

Kepada orang yang mengikuti sejarah perkembangan komunisme nyata sekali bahawa komunisme itu bukanlah suatu peraturan masyarakat yang sudah lengkap sempurna seperti Islamisme bahkan ia hanya suatu peraturan yang sedang di dalam proses ujian dan peringkat dugaan seperti peraturan-peraturan ciptaan manusia yang lain oleh itu dari semenjak Lenin sampai kepada Stalin sudah banyak usul-usul komunisme dipinda kerana tidak berjaya menghadapi keadaan nyata dan kemahuan tabii jiwa manusia, bahkan komunisme yang

dipimpin Stalin kami ini sudah banyak sekali menyimpang dari dasar-dasar tajaan Marx dan Lenin sehingga banyak ahli-ahli siasah menanamkan bentuk komunisme di Rusia sekarang dengan nama “Stalinisme” sebagai ganti komunisme. Amat terpenting sekali kalau komunisme dipandang suatu peraturan yang sudah berjaya dan terjamin, suatu peraturan yang sempurna lengkap yang tidak lagi menerima kritik. Begitu juga amat terburu-buru sekali kalau kita bertindak meruntuhkan suatu yang kita miliki dari pusaka-pusaka kepercayaan dan peraturan kita untuk menganut komunisme sebagai jalan perjuangan yang utama untuk membangun masyarakat kita iaitu sebuah masyarakat yang memang jauh berlainan dari segi sejarah, kebudayaan dan kalangan hidup dengan yang ada di Rusia dan lainnya.

Komunisme di Rusia hanya baharu berumur 35 tahun sahaja iaitu usia yang belum lagi sampai setengah kurun, usia yang masih muda dan belum banyak mempunyai pengalaman, bahkan belum berjaya menciptakan kebahagiaan kepada manusia di Rusia, apatahlagi kebahagiaan yang diagung-agungkan mereka sampai sekarang tak dapat dipastikan kerana mereka hidup di belakang tabir besi yang tidak boleh ditembusi kerana penuh dengan berbagai-bagai tembelang! – P.

Sepanjang-panjang tarikh perkembangan yang dilalui oleh komunisme kita dapat mengambil satu bukti yang penting bahawa komunisme itu bukanlah suatu azam yang boleh ditanam di dalam tiap-tiap masyarakat manusia, bukan suatu azam yang bersesuaian dengan segala jiwa manusia, oleh sebab itu komunisme yang bertebaran di segenap pelusuk dunia hari ini mempunyai pembawaan yang berlainan, dan berlawanan, antara satu sama lain; komunisme di Rusia berlainan dengan komunisme di China, berlainan dengan komunisme Marshall Tito, berlainan dengan komunisme di France, berlainan dengan komunisme di Britain begitulah seterusnya.

Sebagai satu kesimpulan yang pertama bahawa komunisme belum lagi mempunyai usul-usul yang tetap dan lengkap sempurna untuk mengatur masyarakat manusia yang berbagai-bagai corak dan berbagai-bagai kalangan hidup (*Environment*) pengalaman Rusia dalam tadbir komunis selama 35 tahun iaitu semenjak pemberontakan tahun 1917 belum lagi melahirkan bukti komunisme telah penuh berjaya apabila kita bandingkan dengan kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh negara yang bukan komunis di dalam segala lapangan dan fikiran, bahkan sebab lengah terap kehidupan rakyat jelata di negara. Yang dimomokkan sebagai hantu kapitalis adalah lebih tinggi dari taraf kehidupan rakyat jelata Soviet Rusia negara keadilan masyarakat (sebagaimana yang dibangga-banggakan itu -p.)

Harga Manusia

Di dalam memilih mengkaji dan menimbang satu-satu azam kita harus jangan dikelirukan dan jangan ditipu oleh perhiasan dan keindahan lahir. Kita mesti menyusur ke dalam terus dasar-dasarnya kerana disanalah terletak ketentuan baik buruknya. Di samping itu kita harus mempunyai pelita yang terang dan neraca yang adil supaya timbangan kita itu tepat dan benar. Sebenarnya neraca yang tidak boleh diringan berat oleh silat pencak dan silat mata falsafah ialah neraca

“harga manusia” dan “kehormatan sebagai manusia”

(*The worth of man*) dan (*The dignity of man as man*)

tiap-tiap azam falsafah, agama dan tiap-tiap peraturan yang dirupakan tata-tata masyarakat (*Social Institution*) yang tidak meletak “harga manusia” dan “kehormatan sebagai manusia” di dalam perhitungan dan perjuangannya maka itulah azam-azam falsafah dan tata-tata masyarakat yang berlainan dengan kemanusiaan dan yang menghinakan darjat manusia yang tinggi mulia. Sebaliknya jika azam dan sebagainya itu menilai tinggi “harga manusia” dan menjulang “kehormatan manusia” maka itulah azam yang baik dan bersesuaian dengan kemanusiaan.

Dengan neraca yang terang dan mudah ini kita boleh menimbang baik buruk, suai atau berlawanan tiap-tiap azam yang bertaburan dalam dunia hari ini.

Sebagai mengambil jalan pendek marilah kita membuat suatu pertanyaan setinggi manakah “harga manusia” dan “kehormatan manusia” di julang dalam komunisme?

Komunisme memegahkan dirinya sebagai satu azam kemanusiaan yang dicita untuk menyelamatkan nasib kaum buruk yang tertindas di bawah tamak haloba dan kezaliman orang kapitalis. Dia menyanggup memberi roti, nasi, tempat kediaman dan peluang-peluang hidup yang sama kepada mereka. Dia berjanji akan menghapuskan kaum kapitalis dengan tindakan yang sepeti ini komunisme merasa dirinya telah menjulang tinggi “harga manusia” dan menimbang berat “kehormatan sebagai manusia” tetapi malangnya dari segi yang lain dia telah menghinakan manusia dan memijak kehormatan dengan sebuas-buasnya kerana di dalam komunisme tidak diakui kebebasan berfikir, kebebasan beragama, kebebasan bertindak yang menjadi anasir kelebihan insan di atas makhluk yang lain. Bahkan tiap-tiap seorang rakyat jelata komunis hanya menjadi perkakas yang bisu kepada negaranya; jalan fikiran dan cara bertindak semua di bawah arahan dan perintah negara. Beberapa baki kehormatan manusia apabila fikiran mereka ditindas dihalang oleh negara,

apabila gerak kerja mereka ditahan dan diintip oleh negara, apabila kemahuan jiwa mereka untuk berhubung dengan Tuhan yang Maha Besar dirintang dan dibasmi oleh negara??

Komunisme terlampau percaya kepada dasar kenegaraan (*Nationalization*) sehingga bukan sahaja ia berjuang menjadikan semua punca penghasilan (*the means of production*) (tanah lombong, hutan, alat-alat permindahan, kilang dan bank) sebagai hak negara tetapi juga ia berjuang menegarakan jalan fikir dan kebijaksanaan manusia iaitu (penegeraan fikiran) suatu langkah yang amat berlawanan dengan tabiat jiwa manusia yang cintakan kebebasan.

Sekarang marilah kita kaji ragam-ragam kebebasan itu dengan secara tepat satu-satu bagaimanakah ia diperketikan di negara Soviet Union.

1. Kebebasan Beragama :

Agama tidak mendapat tempat di dalam komunisme kerana falsafahnya ialah suatu falsafah kebendaan yang berdasar di atas "teori kebendaan bagi sejarah" (*Historicism Material Theory*) atau dikenal juga dengan nama "falsafah Hegel bagi sejarah" (*Hegelian Philosophy of History*) kerana usul-usul falsafah ini usulnya ciptaan dari filasuf Hegel (Hegel) (filasuf German (1770-1831) dari Timur itulah Karl Marx (Karl Marx) mengasaskan falsafah komunisme.

Teori ini dalam mentafsirkan kejadian-kejadian sejarah menganggapan bahawa segala perubahan-perubahan kejadian-kejadian, perkembangan-perkembangan besar di dalam masyarakat manusia adalah berpunca dari perubahan keadaan ekonomi peraturan dan aliran-aliran, alat-alat dan cara-cara kepandaian dalam hasil pengeluaran, cara pembahagian (*Distribution*) dan pertukaran serta peraturan memiliki.

Iktisad yang menyebabkan dan mempengaruhi perubahan dan perkembangan fikiran manusia sehingga menimbulkan perubahan masyarakat. Lebih jauh bahawa jalan fikir manusia dari segenap lapangan adalah dari ciptaan iktisad. Oleh itu menurut teori ini perubahan-perubahan di dalam sejarah dunia bukanlah dari

tadbir Illahi, bukan dari pengaruh sesuatu fikiran tetapi dari pengaruh perubahan iktisad semata-mata.

Fikiran yang sederhana dan saksama berpendapatan bahawa bukan semua kejadian besar di dalam sejarah masyarakat berpunca dari ekonomi, kerana disana banyak perubahan-perubahan besar yang berpunca dari agama dan aliran fikir yang dibawa oleh jaguh-jaguh fikiran. Doktor "Fuad Al-Ihwani" ketika mengulas sejarah kebangunan bangsa Arab dalam sebuah rencananya telah berkata "Sekiranya fikiran-fikiran telah menerima bahawa tafsir kebendaan bagi sejarah itu boleh digunakan dalam menyusur sebab-sebab kejadian-kejadian sejarah yang besar dalam menerangkan sebab-sebab kebangunan dan kejatuhan kerajaan-kerajaan, tetapi tafsir kebendaan ini sangat kecewa sekali kalau ia hendak menerangkan sebab-sebab persatuan bangsa Arab, kemenangan-kemenangannya, tamadun, dan keluasan takluk jajahannya, mahu tidak mahu ahli-ahli sejarah pasti mencari sebab yang sebenar bagi kejadian yang ganjil ini, dan mereka telah dapati sebab itu tidak lain dari Islam!"

Selain dari itu peperangan Salib yang berlaku berturut-turut di dalam kurun yang ke sebelas, dua belas dan tiga belas tidak dapat kita berkata berpangkal dari ekonomi bahkan berpangkal dari agama.

Sampai disini cukuplah sambilan kita dalam memahami garis-garis besar teori sejarah kebendaan yang menjadi anasir terpenting dalam pembentukan komunisme.

(bersambung)

Bacalah sejarah kebangkitan Islam yang cemerlang!

(MUHAMMAD)

Sallallahu Alaihi Wasallam

Bacalah riwayat hidupnya yang indah harum, yang membangkitkan semangat perjuangan!

Empat penggal tamat. Harga sepenggal \$1.20 pos 10 sen

pinta kepada penerbitnya :

Qalam 356 & 358. Geylang Road Singapore 14
